

PERBARISAN KOMANDER PANGKALAN UDARA SUBANG

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5718-perbarisan-komander-pangkalan-udara-subang-3

SUBANG, 12 Dis 19 - Pangkalan Udara Subang telah melaksanakan Perbarisan bersama Komander Pangkalan yang baharu iaitu Brig Jen Omar bin Hj Dawami TUDM bertempat di Padang Kawad Pangkalan. Perbarisan ini merupakan perbarisan yang pertama bagi Brig Jen Omar bin Hj Dawami TUDM selepas genap sebulan dan lima hari beliau mengambil alih tampuk pemerintahan di pangkalan ini.



Dalam masa yang sama, pihak pangkalan turut bekerjasama dengan pihak MTU-Istiadat untuk melaksanakan raptai bagi Perbarisan Persaraan Mej Jen Dato' Hj Muhammad Mudzamir Ong TUDM yang akan diadakan pada 13 Dis 19. Komander Pangkalan telah memeriksa perbarisan yang berkekuatan seramai 11 x Pegawai dan 138 x anggota LLP yang terdiri daripada pegawai dan anggota dari pangkalan ini.



Perbarisan ini turut diserikan lagi dengan majlis penganugerahan Sijil Khidmat Terpuji kepada 4 x anggota pangkalan di atas sikap ketelitian dan tanggungjawab yang tinggi dalam melaksanakan tugas. Penerima-penerima Sijil Khidmat Terpuji tersebut adalah:



1. FSjn Hanif bin Abd Fatah - Ketukangan Kuartermaster Udara No 16 Skn.
2. Kpl U Muhammad Nazreen bin Zainol - Ketukangan Enjin No 16 Skn.
3. Kpl U Muhammad Radzlan bin Wagiman - Ketukangan Rangkat No 20 Skn.
4. LUK Kesavan A/L Vellayutham - Ketukangan Rangkat No 20 Skn.



Disamping itu, Komander Pangkalan turut menyampaikan trofi dan sijil penghargaan kepada wakil Pasukan Hoki PU Subang yang telah berjaya menjuarai Pertandingan Hoki Antara Pangkalan TUDM bagi tahun 2019.



Brig Jen Omar TUDM di dalam ucapan beliau telah berterima kasih kepada semua warga pangkalan yang tetap komited melaksanakan setiap tugas yang telah diamanahkan oleh pucuk pimpinan TUDM walaupun terpaksa berkorban masa dan tenaga terutama kepada keluarga di musim cuti persekolahan ini.

Komander Pangkalan juga mengambil kesempatan untuk memaklumkan beberapa perkara berhubung dengan konsep pentadbiran beliau yang bakal menjadi teras dan panduan kepada semua warga pangkalan dalam terus memacu kecemerlangan dan kesiagaan pangkalan ini.